

## **Pembangunan Sempadan Strategik NCER Pacu Pelaburan Bernilai Tinggi, Memanfaat Pasaran ASEAN dan Peralihan ke Rangkaian Bekalan Global**

**CHUPING, PERLIS, 28 MEI 2026** – Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sedang mengubah sempadan Malaysia–Thailand menjadi pintu masuk strategik untuk sektor pembuatan termaju, logistik rentas sempadan dan industri dipacu teknologi, menandakan satu pencapaian penting dalam agenda pembangunan sempadannya. Berpaksikan Kerangka Pelaburan Baharu yang dilancarkan – yang mengutamakan pelaburan bernilai tinggi dan pekerjaan bernilai tinggi – projek-projek pemangkin utama kini mempercepat kemasukan pelabur dan memposisikan Wilayah Utara sebagai destinasi utama dalam penjajaran semula rangkaian bekalan global China +1.

Dengan memanfaatkan dua nod logistik iaitu Pelabuhan Darat Perlis (PIP) berhampiran Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam Inland Clearance Depot (BKH ICD) di lintasan sempadan tersibuk, NCER menyepadukan taman perindustrian tematiknya iaitu Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA), Kedah Rubber City (KRC) dan Taman Sains & Teknologi Kedah (KSTP) – di bawah satu rangka kerja pembangunan ekonomi sempadan yang bersatu. Penjajaran ini memastikan perancangan yang saling melengkapi, keterhubungan rentas sempadan yang lancar dan akses terus ke pasaran pengguna ASEAN yang luas dengan lebih 680 juta penduduk, serta capaian seterusnya ke subwilayah Greater Mekong.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Dato' Mohamad Haris Kader Sultan berkata strategi sempadan bersepadu ini direka untuk memanfaatkan peralihan yang semakin pesat dalam pembuatan global. “Strategi China +1 bukan trend sementara – ia adalah penjajaran semula struktur rangkaian bekalan. Dengan menggabungkan kesediaan industri dan sektor pembuatan, keterhubungan logistik, inovasi, tenaga boleh baharu patuh-ESG dan kemudahan perdagangan di pintu masuk sempadan kami, NCER menawarkan perhubungan yang unik, berisiko rendah dan kompetitif dari segi kos ke pasaran ASEAN. Kerangka Pelaburan Baharu kami memperkukuhkan lagi tawaran ini dengan menyasarkan secara khusus pelaburan bernilai tinggi dan berteknologi tinggi yang mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk rakyat Malaysia.”

Tambah beliau, hasil awal daripada pengoperasian CVIA, PIP dan KRC membuktikan model ini berfungsi dengan baik. “Projek-projek ini bukan lagi sekadar pelan tindakan; ia sedang menghasilkan hasil yang konkrit dan memangkinkan keyakinan pelabur susulan pada tahun ini.”

**CVIA dan PIP – Hab Logistik-Industri Berkembar**



CVIA memperoleh pelaburan bersejarah daripada pengeluar global Jabil tahun lepas. Operasi awal bermula pada akhir Disember 2025, dengan pengembangan berperingkat sedang dijalankan dan perancangan ke arah pelaburan susulan. NCER sedang berada di peringkat akhir untuk menyimpulkan beberapa lagi komitmen besar di CVIA sebelum akhir tahun.

Sejajar dengan itu, PIP yang telah siap sepenuhnya pada tahun ini, dengan NCER membangunkan infrastruktur luaran termasuk bonded road, jejambat dan susur landasan kereta api, manakala infrastruktur dalaman dibangunkan oleh Mutiara Perlis Sdn Bhd. PIP memulakan operasi awal pada akhir 2025 dan secara progresif meningkatkan kapasiti pengendalian sepanjang 2026, mengubah Padang Besar menjadi hab logistik pelbagai mod yang memendekkan masa ke pasaran bagi barangan yang bergerak merentasi sempadan darat ASEAN.

### **KRC – Pembuatan Pintar untuk Pasaran Global**

Di KRC, Prinx Tire melakukan pelaburan kumulatif sebanyak RM2.6 bilion selama 15 tahun untuk membangunkan kilang pembuatan tayar pintar dan mesra alam. Dengan operasi awal dijangka pada Suku Keempat 2026, projek ini akan menjana limpahan ekosistem tempatan dan sosio-ekonomi yang ketara, terutamanya dalam penciptaan pekerjaan mahir dan pembangunan vendor. NCIA kini sedang memuktamadkan beberapa pelaburan utama tambahan untuk mempercepatkan pemenuhan kapasiti Fasa 1 KRC pada akhir tahun ini.

### **KSTP – Ekosistem Teknologi Tinggi di Bukit Kayu Hitam**

Infrastruktur Fasa 2A KSTP, yang telah dibina sejak 2024, berada di landasan tepat untuk siap pada Disember 2026. Terletak secara strategik bersebelahan dengan kawasan perindustrian matang (brownfield) dan BKH ICD, KSTP bersedia untuk menerima pelaburan seawal tahun depan. Setelah beroperasi sepenuhnya, ia diunjur menarik pelaburan RM12.9 bilion dan mewujudkan 23,244 peluang pekerjaan bernilai tinggi. NCER telah menyusun plan pelaburan khusus yang memberi tumpuan kepada nanoteknologi, teknologi tinggi dan aeroangkasa, bagi melengkapkan industri sedia ada dan mengubah Bukit Kayu Hitam menjadi koridor pembuatan termaju dan berinovasi.

### **Memanfaatkan Platform Serantau dan Rangka Kerja Strategik**

“Taman perindustrian tematik adalah permainan jangka panjang, memerlukan perancangan proaktif untuk kekal relevan di tengah-tengah realiti ekonomi yang berubah. Kami memanfaatkan platform Segitiga Pertumbuhan Indonesia–Malaysia–Thailand (IMT-GT) untuk menambah tumpuan strategik kepada perancangan pembangunan sempadan, manakala Kerangka Pelaburan Baharu kami memastikan setiap ringgit pelaburan berinsentif menghasilkan pekerjaan bernilai tinggi dan pemindahan teknologi,” tegas Dato’ Mohamad Haris.



“Kami bersyukur bahawa CVIA, PIP dan KRC telah menghasilkan hasil awal tahun ini, menjadi bukti kukuh yang akan mempercepat kemasukan pelabur berbanding tahun-tahun sebelumnya. Saluran pelaburan adalah mantap dan naratif strategik – yang berpaksikan keterhubungan sempadan, akses pasaran ASEAN dan kepelbagaian rantaian bekalan akan dipromosikan di peringkat global.”

“NCER merakamkan penghargaan kepada Kementerian Ekonomi, Kerajaan-kerajaan Negeri, MIDA, pihak berkuasa tempatan dan semua agensi yang terlibat dalam memudah cara dan merealisasikan pelaburan di Wilayah Utara, terutamanya untuk projek-projek sempadan,” jelas Dato’ Mohamad Haris.

Untuk maklumat lanjut tentang NCER, sila layari laman utama NCER di [www.ncer.com.my](http://www.ncer.com.my).

Tamat

**UNTUK MAKLUMAN EDITOR:**

**Berkenaan NCIA**

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

|  |   |
|--|---|
| <b>En. Fairus Kassim</b><br>Pengurus<br>Unit Komunikasi Korporat NCIA<br>E-mel: <a href="mailto:fairus@ncer.com.my">fairus@ncer.com.my</a><br>No Tel: + 019-3272507   GL: + 604-502 0708 | <b>En. Ariff Ahmad</b><br>Ketua<br>Unit Komunikasi Korporat NCIA<br>E-mel: <a href="mailto:ariffahmad@ncer.com.my">ariffahmad@ncer.com.my</a><br>No Tel: + 016-3288944   GL: + 604-502 0708 |
|--|---|

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>